



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**SYUKUR DAN SABAR, UJIAN HAMBA YANG BERIMAN**

**Tarikh Dibaca:**

**29 MUHARRAM 1447H /  
25 JULAI 2025**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِثْبَاتُ كَلِمَاتِهِ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## SYUKUR DAN SABAR, UJIAN HAMBA YANG BERIMAN

25 JULAI 2025 / 29 MUHARRAM 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي﴾

لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾ ابراهيم [7]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian pada khutbah ini dan janganlah sibuk dengan perkara *lagha* seperti bermain telefon bimbit. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini akan berbicara tentang; “**Syukur dan Sabar, Ujian Hamba yang Beriman**”.

### SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Ketahuiilah, sesungguhnya kekayaan dan kemiskinan bukanlah ukuran darjat atau kehinaan seseorang di sisi Allah. Kaya bukan bererti dimuliakan, miskin bukan bererti dihina. Tetapi kedua-duanya merupakan ujian daripada Allah SWT, untuk menilai siapakah antara hamba-Nya yang benar-benar beriman.

Dengarkan maksud sebahagian firman Allah SWT dari Surah an-Naml ayat 40:

قَالَ هَذَا مِنْ فَضْلِ رَبِّي لِيَبْلُوَنِي ءَأَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ

*“Setelah Nabi Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di sisinya, berkatalah ia: "Ini ialah dari limpah kurnia Tuhanku, untuk mengujiku adakah aku bersyukur atau aku tidak mengenangkan nikmat pemberianNya.*

Orang miskin diuji dengan kefakiran. Sama ada mereka mampu untuk bersabar dalam kesempitan rezeki. Sama ada mereka mampu menahan diri daripada bertindak di luar batasan seperti mencuri, atau mengeluh terhadap takdir Ilahi. Manakala orang kaya pula diuji dengan harta. Sama ada mereka mampu bersyukur atas nikmat Allah, dan menggunakannya pada jalan kebaikan.

Allah SWT berfirman lagi dalam Surah al-Fajr ayat 15 dan 16:

﴿ فَأَمَّا الْإِنْسَانُ إِذَا مَا ابْتَلَاهُ رَبُّهُ فَأَكْرَمَهُ وَنَعَّمَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَكْرَمَنِ ﴿١٥﴾ وَأَمَّا إِذَا

مَا ابْتَلَاهُ فَقَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَهَدَنِ ﴿١٦﴾ ﴾

*“(Dalam pada itu manusia tidak menghiraukan balasan akhirat), oleh yang demikian, maka kebanyakan manusia apabila diuji oleh Tuhannya dengan dimuliakan dan dimewahkan hidupnya, (dia tidak mahu bersyukur tetapi terus bersikap takbur) serta berkata dengan sombongnya: “Tuhanku telah memuliakan daku!” Dan sebaliknya apabila dia diuji oleh Tuhannya, dengan disempitkan rezekinya, (dia tidak bersabar bahkan dia resah gelisah) serta merepek dengan katanya: “Tuhanku telah menghinakan daku!”*

Renungilah ayat ini wahai saudara-saudaraku. Allah menolak anggapan bahawa kaya itu semestinya mulia dan miskin itu hina. Bahkan kemuliaan sebenar seseorang hanya diukur melalui ketaatannya kepada Allah, bukan pada hartanya.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Apabila seseorang berada dalam kesempitan hidup, lalu dia bersabar, redha dan terus berusaha mencari rezeki yang halal, maka dia telah berjaya dalam ujiannya. Begitu juga

apabila seseorang diberi kelapangan harta, lalu dia mensyukurinya dengan menunaikan zakat, membantu orang miskin, menyantuni anak yatim, dan menggunakan hartanya untuk ibadah dan membantu orang lain, maka dia juga berjaya dalam ujiannya.

Diriwayatkan daripada Suhaib *radhiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ: إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ  
شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ.

*“Sungguh menakjubkan keadaan seorang Mukmin! Sesungguhnya segala urusannya adalah kebaikan baginya. Jika dia mendapat nikmat, dia bersyukur, itu baik baginya. Dan jika dia ditimpa musibah, dia bersabar, itu juga baik baginya”.* **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

Oleh itu, bukan soal berapa banyak yang kita miliki, tetapi bagaimana kita tetap mensyukuri dan memanfaatkan tiap-tiap nikmat yang diberi. Syukur itu bukan hanya pada lisan, tetapi pada tindakan. Orang yang bersyukur akan menjadikan nikmat sebagai jalan untuk mendekati diri kepada Allah.

#### **SIDANG JEMAAH YANG MULIA,**

Dalam dunia yang penuh perbandingan ini, kita sering memandangi mereka yang berada di atas kita dari sudut dunia baik pangkat, rumah, kereta, perniagaan dan sebagainya. Akibatnya, kita lupa mensyukuri nikmat yang kita ada.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah *radhiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

انظُرُوا إِلَى مَنْ أَسْفَلَ مِنْكُمْ، وَلَا تَنْظُرُوا إِلَى مَنْ فَوْقَكُمْ، فَهُوَ أَجْدَرُ أَنْ لَا تَزْدَرُوا  
نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ

*“Lihatlah kepada orang yang lebih rendah daripada kamu dan jangan melihat kepada orang yang lebih tinggi, agar kamu tidak meremehkan nikmat Allah ke atasmu”.* **(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)**

Lihatlah kepada yang tidak punya tempat tinggal, yang tidak mampu berjalan, yang diuji dengan penyakit atau kelaparan. Lihatlah pula kepada yang sedang diuji akidahnya, hilang iman, hilang tujuan hidup. Maka insafalah kita, betapa banyak nikmat yang kita lupakan.

### **SIDANG JEMAAH YANG DICINTAI ALLAH,**

Kita tidak tahu takdir apa yang menanti kita. Hari ini mungkin kita berada di atas, esok belum tentu. Ada orang miskin yang akhirnya menjadi jutawan, dan ada hartawan yang akhirnya merempat kerana lupa kepada Tuhan.

Inilah peringatan dari Allah SWT yang tercatat dalam Surah ali Imran ayat 140:

وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ

*“Dan demikian itulah keadaan hari-hari (dunia ini dengan peristiwa-peristiwa kemenangan atau kekalahan), kami gilirkan dia antara sesama manusia, (supaya menjadi pengajaran)”*

Apa yang pasti, yang kekal dan tidak berubah ialah ganjaran yang Allah janjikan kepada hamba yang sabar dan bersyukur. Ingatlah bahawa ganjaran itu bukan sahaja di dunia, tetapi lebih utama lagi di akhirat.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Maka marilah kita berusaha menjadi hamba yang benar-benar bersyukur dan sabar. Bersyukur dengan memperbanyakkan ibadah, melaksanakan kebaikan, menjauhi larangan. Bersabar pula dengan tidak berputus asa, tidak mengeluh terhadap ketentuan Allah, serta yakin bahawa setiap ujian ada hikmahnya.

Kenangkan tiap-tiap nikmat yang kita kecapai baik nikmat Islam, nikmat hidup, nikmat sihat, nikmat beribadah, dan segalanya yang kita nikmati di dunia ini. Banyak atau sedikit yang diterima bukan ukuran. Yang penting tetap bersyukur. Bahkan Allah SWT memberi jaminan untuk menambahkan nikmat rezeki kepada hamba-hamba-Nya yang sentiasa bersyukur. Firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim ayat 7 yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras”.*

Bersyukurlah jua dengan keamanan, kemakmuran negara ini. Tiada pergolakan dan kebuluran serta kelaparan seperti yang berlaku di Palestin. Semoga kita tergolong dalam golongan orang-orang yang sentiasa mensyukuri nikmat dan bersabar dalam ujian dan beroleh kemuliaan di sisi Allah SWT.

Justeru mengakhiri khutbah, ingatlah pesanan-pesanan ini;

**Pertama:** Kemuliaan bukan terletak pada kekayaan, dan kehinaan bukan terletak pada kemiskinan. Tetapi mulia dan hinanya kita ditentukan oleh takwa kepada Allah SWT.

**Kedua:** Rasulullah SAW mengajarkan kita agar melihat kepada mereka yang kurang bernasib baik, supaya kita lebih menghargai dan tidak meremehkan nikmat Allah. Dengan itu, kita akan lebih insaf dan sedar betapa banyak nikmat yang telah Allah kurniakan kepada kita.

**Ketiga:** Kita dituntut untuk menjadi hamba yang sentiasa bersyukur dan sabar. Bersyukur dengan melaksanakan ketaatan kepada Allah dan bersabar dengan redha serta yakin kepada hikmah ujian.

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 152:

﴿ فَادْكُرُونِي أذكُرْكُمْ وَأشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴾

**Maksudnya:** “Oleh itu ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku)”.

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا  
مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغِ د-فَرْتَوَانِ ائْخُوغِ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغِ فَرْمَايسُورِي ائْخُوغِ، رَاغِ  
زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah, Yang Maha Gagah lagi Maha Perkasa! Lindungilah dan berilah mereka kekuatan serta kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya kepada Engkau jualah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kemarau, banjir, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kesesatan, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kami melainkan dengan pertolongan-Mu jua Ya Allah!

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

\* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.